

Pesta Konvokesyen USIM mula dapat sambutan

SEREMBAN 29 Nov. - Penganjuran Pesta Konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Ke-11 di Nilai dekat sini, yang masuk hari kedua hari ini terus mendapat sambutan hangat apabila lebih 2,000 orang mengunjunginya.

Pengurus Pemasaran Wilayah Tengah Jabatan Pemasaran Utusan Melayu (Malaysia) Bhd., Rosman Zulkifli memberitahu, jumlah kehadiran dijangka terus meningkat hingga ke malam ini dengan *Sembang Santai Bersama Selebriti* bersama Adam AF, Heliza Helmi dan personaliti TV Al-Hijrah, Amin Idris.

“Setakat ini kita melihat kunjungan orang ramai cukup menggalakkan dan kita jangkakan kehadiran orang ramai meningkat dengan program yang telah diuruskan oleh USIM pada malam ini.

“Jumlah kehadiran ini terdiri daripada para pelajar USIM sendiri selain orang ramai dari kawasan berhampiran sekitar Nilai juga menjadi penyumbang kehadiran orang ramai yang bertandang ke tapak pesta kita di sini,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sementara itu, pelajar USIM dari

Pesta KONVO Utusan Mingguan USIM kali ke-11, 2013

Fakulti Kaunseling, **Siti Aishah Abdul Rahman**, 28, berkata, penganjuran kali ini cukup meriah selain pertambahan tapak pameran.

“Gerainya juga dihias dengan menarik dan ini dapat menarik minat orang ramai sekali gus mencuba pelbagai permainan dan pertandingan yang disediakan,” katanya.

Rakannya, **Nurul Izzati Idris**, 21, pula berkata, paling mencuri tumpuan ialah gerai Kumpulan Utusan yang menawarkan pelbagai jenis majalah dan buku dengan harga yang cukup berpatutan.

“Saya seorang yang gemar membaca jadi ini adalah peluang saya untuk mendapatkan buku-buku di sini dengan harga yang sangat murah jika dibandingkan dengan harga di luar sana.

“Selain itu, saya juga akan melibatkan diri dalam pertandingan



GERAI Kumpulan Utusan menjadi tumpuan orang ramai yang berkunjung ke tapak Pesta Konvokesyen USIM Ke-11, Nilai, Negeri Sembilan, semalam.

Mini Explorace yang dianjurkan oleh *Utusan Malaysia*,” katanya.

Sementara itu, pelajar Fakulti Ekonomi dan Muamalat, **Muham-**

mad Amin Jalal, 20, berkata, dia tertarik dengan aktiviti yang dijalankan *Utusan Malaysia*.

“Pelbagai acara turut dijalankan

termasuk permainan *paintball*, melontar *dart* dan sebagainya dengan peluang memenangi hadiah berupa hamper,” katanya.